

## **ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN BIL. 1/1971**

---

### **PEMBICARAAN KES-KES PESAKA DAN LAIN-LAIN KES DI BAWAH KANUN TANAH NEGARA**

---

Beberapa kerumitan telah didapati berhubong dengan kes-kes pesaka dimana terdapat Pemungut-Pemungut Hasil Tanah mengeluarkan Perentah (orfer) Pembahagian Pesaka diatas tanah-tanah yang tidak terdaftar dengan nama simati. Apabila disedari beberapa tahun kemudian, setelah Perentah itu didaftarkan dan tanah berkenaan telah pun bertukar milik beberapa kali, masalah ini menjadi sangat rumit dan sukar sekali untuk diselesaikan. Lazimnya perkara seperti ini berlaku dengan sebab pemohon mengemukakan cabutan-cabutan tanah yang lain daripada tanah-tanah simati tetapi yang mengandungi nama yang sama dengan nama simati. Dalam hubongan ini suka saya menarik perhatian semua Pemungut-pemungut Hasil Tanah kepada Minit Mesyuarat Pemungut-pemungut Hasil Tanah Kelantan Bilangan I yang berlangsung pada 15hb. Februari, 1971 bagaimana berikut :-

“Tuan penggerusi menasihatkan semua Pemungut-pemungut supaya menyemak daftar tanah terlebih dahulu sebelum mengadakan perbicaraan kes-kes pesaka. Beliau dapati pada masa-masa yang lepas Pemungut telah membicarakan kes pesaka dengan merojokkan kepada hakmilik-hakmilik yang salah kerana Pemungut terlalu mempercayai kepada keterangan yang terkandung dalam cabutan yang dihantar oleh pemohon. Pemungut hendaklah ingat bahawa cabutan-cabutan tanah yang dihantar itu mungkin telah dikeluarkan sejak beberapa tahun sebelum pembicaraan itu dan ada kemungkinan perkiraan-perkiraan tanah telah didaftarkan selepas pengeluaran cabutan itu”.

2. Perkara seperti yang tersebut diatas juga berlaku didalam pembicaraan kes-kes lain dibawah KTN atau Undang-undang Pengambilan Balik tanah. Oleh itu semua Pemungut-pemungut Hasil tanah adalah diminta supaya berhati-hati sebelum menjalankan apa-apa pembicaraan mengenai tanah dengan terlebih dahulu menyemak sendiri daftar-daftar hakmilik yang berkenaan.

(Akasah bin H.A.Rahman)  
Pesuruhjaya Tanah dan Galian,  
Kelantan.

Kota Bharu

PTG. Kn. 47/49/(165)

24hb. Jun, 1971